

# UMS dapat lima bintang

Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dianugerahkan lima bintang tahun lalu dalam pengajaran dan pembelajaran, kata Naib Canselor Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

"Ini adalah lebih baik berbanding dengan dua hingga tahun lalu apabila UMS hanya mendapat ranking tiga bintang. Pengeluaran pelajar yang lulus juga meningkat dalam dua tahun lepas.

"Ini adalah satu petunjuk bahawa universiti itu sedang menuju ke arah yang betul dan kami akan terus berusaha mencapai satu tahap yang lebih tinggi," katanya sambil menambah pelajar mereka juga pernah mewakili Malaysia dalam pertandingan Enactus kira-kira lima tahun lalu di Mexico, Jerman dan Washington selama tiga tahun berturut-turut.

Menteri Pendidikan Kedua, Dato' Seri Idris Jusoh turut mengulas tentang jempunan baru-baru ini kepada pelajar UMS untuk menghadiri persidangan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Ia bukan mudah untuk terpilih menghadiri acara itu. Kita telah meli-

hat kemajuan dan peningkatan standard universiti-universiti Malaysia.

"Ia tidak adil untuk membandingkan UMS dengan universiti terkenal lain seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Oxford atau Universiti Havard," katanya semasa Sesi Pendengaran Awam berkenaan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi di dewan canselor universiti itu.

Menurut beliau, program itu adalah kesinambungan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi untuk sektor sekolah itu.

"Ia diadakan supaya kita boleh menerima maklum balas daripada orang ramai dan kita telah memutuskan untuk turun padang bagi mendengar pendapat rakyat tentang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia," katanya sambil menambahnya juga diadakan secara serentak di Universiti Putra Malaysia (UPM) di Kuala Lumpur.

"Pasukan kami akan pergi ke Kuching dan program sama akan diadakan di Pulau Pinang," tambahnya.

"Kami juga memuat naik pelan tindakan itu di laman web sejak dua bulan lalu untuk dibaca oleh yang lain dan mereka juga boleh mengulasnya...



IDRIS (ketiga dari kiri) dan Harun (kedua dari kanan) bersalaman dengan orang ramai semasa majlis itu.

tetapi hari ini kita melakukannya secara bersemuka," kata Idris.

Beliau gembira dengan maklum balas positif dan penambahbaikan yang mereka buat kepada pelan itu.

"Antara penambahbaikan yang kami tampilkan adalah kerjasama lebih rapat dengan industri itu, pengagihan penyelidikan dan sumbar yang kita peroleh daripada Negeri selain

daripada cara untuk universiti mendapat autonomi dalam pelaksanaan tugas.

Menurut Idris, universiti itu dikehendaki menghasilkan graduan holistik yang mempunyai komunikasi dan karakter yang baik.

"Kami mahu mengeluarkan graduan yang berdaya usaha.. seseorang yang bukan sahaja menjadi pencari kerja

tetapi juga pencipta kerja. Bagaimanapun, kita mesti ingat bahawa graduan yang baik dihasilkan melalui pensyarah yang baik.

"Enam puluh lima peratus kerja tidak lagi tersedia pada masa hadapan dan kita juga mempunyai orang yang menukar kerja beberapa kali.

"Ini semua adalah sebahagian daripada cabaran yang dihadapi dunia kita ketika ini. Adalah penting untuk universiti menyesuaikan dengan ini.

"Oleh itu, kita mesti bersedia untuk menghasilkan graduan yang holistik. Universiti mesti berubah dari masa ke masa dan kekal relevan... sebab itulah kita mempunyai individu dari industri lain yang datang untuk mengajar pelajar, menggabungkan pembelajaran dan penggunaan teknologi untuk mengubah senario pengajaran dan pembelajaran di universiti," katanya.

Sementara itu Harun berkata UMS telah mengikuti dengan sewajarnya pelan strategik universiti sejajar dengan pelan strategik negara.

"Dan jika kita diberi kuasa, kita akan meningkatkan autonomi universiti untuk meningkatkan kualiti dan prestasi akademik selain daripada melestarikan diri dari segi aspek kewangan," katanya.